

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 FEBRUARI 2018 (ISNIN)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|-----|--------------------------------|---------------|
| 1. | Hujan punca curahan air tinggi | Berita Harian |

Hujan punca curahan air tinggi

Kuala Lumpur: Fenomena kepala air di negara ini, dicetuskan oleh hujan lebat bersama ribut petir di kawasan hulu sungai.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari, berkata keadaan cuaca itu biasanya bersifat setempat pada kadar taburan hujan yang tinggi selama dua hingga tiga jam.

Katanya, hujan lebat bersama ribut petir di kawasan bukit dan kawasan tadahan hujan akan menyebabkan curahan air yang tinggi dan serentak mengalir di sungai sehingga mencetuskan kepala air.

“Di hulu sungai hujan ribut petir, namun di hilir sungai, orang ramai tak tahu kerana langit cerah lebih-lebih lagi jika berhampiran laut.

“Dari segi kekerapan hujan ribut petir di kawasan pedalaman, ia lebih kurang sama pada setiap tahun, namun yang menyebabkan peningkatan kes lemas adalah disebabkan kepala air,” katanya, semalam.